

AKTIVITI 1 : PILIH

Ayat kesimpulan	Ayat harapan	Ayat huraian	Ayat Cadangan
-----------------	--------------	--------------	---------------

Faktor-faktor Remaja Cenderung Mengunjungi Kafe Siber

Secara holistiknya, kafe siber yang pesat didirikan sememangnya mendatangkan masalah kepada golongan remaja jika mereka menggunakannya secara proaktif. [] Walau bagaimanapun, tidak dapat dipertikaikan bahawa buruk padahnya jika disalahgunakan oleh mereka untuk tujuan yang negatif tanpa menyedari rosak bawang kerana jambaknya. [] Dengan itu, semua pihak harus berganding bahu mengaplikasikan dan mengimplementasikan segala prakarsa yang dirancang dengan komprehensif serta kompeten supaya tidak menjadi layang-layang melawan angin dan mencurahkan air di daun keladi. [] Sekiranya kita berpaksikan prinsip telur dalam sangkak, pecah sebiji pecah semua, nescaya remaja yang luhur dan kamil dapat dilahirkan untuk membangunkan ibu pertiwi. [] Janganlah diabaikan nasihat Ficosof Tao iaitu jikalau kamu mahu hidup setahun, tanamlah gandum, jikalau kamu mahu hidup sepuluh tahun tanamlah pokok, dan jikalau kamu mahu hidup selama-lamanya, tanamlah jiwa manusia. []